

Ruj. Kami : SA3/2026 (8)
Tarikh : 12 April 2026

Semua Warga Samariang Aman 3

Tuan / Puan,

MAKLUMAN PINDAAN KADAR KUTIPAN YURAN BAGI KAWASAN RUKUN TETANGGA SAMARIANG AMAN 3

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat terdahulu Ruj. Kami SA3/2026 (1) bertarikh 2 Mac 2026 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa semasa Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Samariang Aman 3 yang telah diadakan pada 4 April 2026, majoriti penduduk telah bersetuju untuk membuat pindaan terhadap kadar bayaran bulanan yuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Samariang Aman 3.

3. Sehubungan itu, kadar yuran baharu yang dipersetujui adalah seperti berikut:

- i. **Bayaran yuran pendaftaran (sekali sahaja) : RM50.00**
- ii. **Bayaran bulanan baharu : RM10.00**

4. Kadar bayaran bulanan baharu ini akan mula berkuat kuasa pada **Julai 2026**.

5. Pindaan kadar ini adalah bagi menampung keperluan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti KRT termasuk pelaksanaan Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) serta lain-lain keperluan berkaitan demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kawasan kejiranan sentiasa terpelihara.

6. Kaedah pembayaran adalah melalui platform dalam talian di pautan **https://sa3.my/bayar** bagi memudahkan urusan rekod pembayaran serta mengelakkan isu kehilangan resit atau kesilapan penjejakan transaksi.

Kerjasama dan sokongan berterusan daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai dalam menjayakan inisiatif ini demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Sekian, terima kasih.

BERSATU, BERTOLERANSI, BERMUAFAKAT

(MUHAMMAD HAZIM ABDULLAH)

Pengerusi Samariang Aman 3

